



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 18 SEPTEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	ELAUN SARA HIDUP NELAYAN DINAIKKAN, NASIONAL, SH-2 ELAUN SARA HIDUP NELAYAN NAIK SEMULA KEPADA RM300, MUKA DUA, BH-2 ELAUN NELAYAN NAIK KEPADA RM300, NEGARA, KOSMO-6 KERAJAAN PERUNTUK LEBIH RM70 JUTA BANTU SEKTOR PERTANIAN SABAH, NASIONAL, SH-10 RM40.34 JUTA DISALURKAN KHUSUS KEPADA SABAH DAN SARAWAK, NASIONAL, SH-9 PM KEMBALIKAN RM50 ELAUN NELAYAN, DALAM NEGERI, UM-3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
7. 8. 9. 10.	MINGGU BERDUKA MOWGLI MALAYSIA, NEGARA, KOSMO-9 58 TERNAKAN DISUNTIK ANTIBIOTIK, NASIONAL, BH-24 MANDIKAN KERBAU SATU JAM SEKALI, LOKAL, HM-4 VET DEPT STARTS GIVING ANTIBIOTICS TO BUFFALOES, NEWS, NST-10	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
11.	PN UMUM DIVIDEN DPK SEBANYAK 8.1 PERATUS, NASIONAL. SH-9	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
12.	SERBU 500 ANAK POKOK MUSANG KING, LOKAL, HM-4	JABATAN PERTANIAN (DOA)
13.	BIJI KOPI TIADA PERMIT DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO-14	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
14.	KENAIKAN ELAUN SARA HIDUP NELAYAN BUKTI KEPERIHATINAN KERAJAAN, NASIONAL, SH-2	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
15.	PETANI LEGA JPS GALI PARIT ELAK BANJIR, DALAM NEGERI, KOSMO-10	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	2

Elaun Sara Hidup Nelayan dinaikkan

FOTO: BERNAMA



Muhyiddin (dua dari kanan) melancarkan Skim Subsidy Baja dan Racun Padi Bukit/Huma di Beaufort semalam.

Kerajaan setuju kembalikan semula elaun daripada RM250 kepada RM300 sebulan

Oleh ASYIKIN ASMIN

BEAUFORT

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam mengumumkan kerajaan bersetuju untuk mengembalikan semula Elaun Sara Hidup Nelayan yang diturunkan kepada RM250 oleh kerajaan Pakatan Harapan (PH). Kini elaun itu dinaikkan kepada RM300.

Katanya, beliau mendengar dan memahami kesukaran hidup golongan nelayan yang berdepan dengan saat sukar negara menghadapi wabak Covid-19.

"Saya nak umumkan bahawa pada ketika Perikatan Pakatan Harapan menadbir negara, saya nak ingatkan Parti Warisan Sabah (Warisan) di Sabah ini sebahagian daripada PH.

"Pada waktu itu Elaun Sara Hidup Nelayan RM300 telah dipotong dan jadi RM250. Bukan ditambah, hari ini (semalam) saya ingin mengumumkan bahawa kerajaan bersetuju menaikkan Elaun Sara Hidup nelayan daripada RM250 sebulan kepada RM300 sebulan.

"Saya berharap kenaikan elaun ini akan sedikit sebanyak mengurangkan beban yang dihadapi," katanya ketika berucap pada Program Perdana Menteri

Bersama Peladang, Penternak dan Nelayan Sabah serta Pelancaran Skim Subsidy Baja dan Racun Padi Bukit/Huma di sini semalam.

Beliau dalam pada itu turut mengumumkan beberapa perkara kepada golongan petani, peladang dan petani iaitu dasar yang dibuat di bawah kerajaan pimpinannya.

"Kerajaan di bawah kepimpinan saya telah memperuntukkan bantuan khas khususnya untuk kerajaan Sabah dan Sarawak di bawah Skim Subsidy Baja dan Racun Padi Bukit/Huma iaitu berjumlah RM40.34 juta.

"Pada masa sama, di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), kerajaan melalui Agrobank telah memperuntukkan RM350 juta untuk sektor agromakanan.

"Daripada jumlah itu, sasaran pembiayaan sebanyak RM38.7 juta diperuntukkan untuk manfaat komuniti dan industri Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sektor agromakanan di Sabah meliputi industri tanaman, ternakan, penangkapan ikan, pemprosesan dan perkhidmatan penyediaan makanan, kraf-tangan, industri desa dan peruncitan.

"Di samping itu, kerajaan juga memperuntukkan RM41.1 juta di bawah Dana Kemudahan Bantuan Khas (SRF) untuk tujuan pembiayaan mikro dan komersial kepada usahawan agromakanan. Pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan juga memperuntukkan sejumlah RM37.7 juta di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan yang akan memanfaatkan seramai 1,649 nelayan di Sabah," katanya.

18/9/2020

BERITA
HARIAN

MUKA DUA

2



Muhyiddin sambil diperhatikan Ronald Klandee (kiri) menyerahkan replika bayaran Elaun Sara Hidup Nelayan Sabah kepada Pengerusi Persatuan Nelayan Sabah, Yusof Muhammad pada majlis ramah mesra di Pekan Kuala Penyu, Beaufort, semalam. (Foto Bernama)

Elaun Sara Hidup Nelayan naik semula kepada RM300

Inisiatif dilancar kerajaan bagi kurang beban golongan terjejas akibat pandemik

Oleh Ekhwan Haque Fazlul Haque, Sarah Abdullah, Izwan Abdullah, Abdul Rahemang Taiming, Yun Mikail dan Hazsyah Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Beaufort: Kerajaan bersetuju menaikkan semula Elaun Sara Hidup Nelayan dari RM250 kepada RM300 sebulan bagi mengurangkan beban golongan itu yang terjejas akibat pandemik COVID-19, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Saya ingin ingatkan, ketika Pakatan Harapan (PH) mentadbir negara, Warisan (Parti Warisan Sabah) adalah sebahagian daripada PH. Pada waktu itu, elaun sara hidup nelayan dipotong daripada RM300 menjadi RM250.

"Hari ini, saya ingin umumkan, kita kembalikan semula bayaran tunai RM300 setiap bulan, supaya dapat meringankan be-

ban yang ditanggung sektor perikanan," kata Perdana Menteri pada Majlis Bersama Peladang, Penternak dan Nelayan Sabah serta Pelancaran Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma, di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Klandee; Ahli Parlimen Beaufort, Datuk Azizah Mohd Dun dan calon Perikatan Nasional (PN) DUN Klias, Datuk Isnin Aliasni.

Pada majlis itu, beliau turut mengumumkan peruntukan bantuan khas, khususnya untuk kerajaan negeri Sabah dan Sarawak di bawah Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma berjumlah RM40.34 juta.

Skim itu antara lain memberi bantuan berupa geran, elaun, skim ternakan, dan zakat kepada golongan peladang, penternak dan nelayan yang layak.

Skim berkenaan membolehkan agensi seperti Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Agrobank.

Elaun sara hidup berkenaan termasuk dalam skim yang dilancarkan itu memanfaatkan seramai 7,581 nelayan di Sabah.

Skim itu juga meliputi Insentif Skim Rezeki Ternak dengan peruntukan RM1.73 juta yang akan

Kerajaan mendengar dan memahami kesusahan golongan nelayan, penternak dan petani khususnya ketika negara berdepan COVID-19.

Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri

memanfaatkan penternak ruminan dan penternak unggas berskala kecil dan sederhana.

Geran Agropreneur Muda dengan peruntukan RM2.94 juta pula akan memberi manfaat kepada 182 usahawan dan Insentif Projek Pembangunan Industri Kopi dengan peruntukan RM556,000.

Muhyiddin berkata, kerajaan mendengar dan memahami kesusahan golongan nelayan, penternak dan petani khususnya ketika negara berdepan COVID-19.

"Saya mendengar dan memahami kesukaran hidup golongan nelayan dalam berdepan saat-saat sukar negara menghadapi wabak COVID-19. Saya berharap kenaikan elaun ini akan sedikit sebanyak mengurangkan beban yang dihadapi," katanya.

Dalam ucapannya juga Perdana Menteri menegaskan bahawa kerajaan Perikatan Nasional (PN) mengambil pendekatan yang sewajarnya berkaitan bantuan yang diberikan, termasuk dalam sektor pertanian demi kestabilan ekonomi negara.

"Saya sebutkan ini ialah kerana, kesan daripada masalah yang kita hadapi akan menyebabkan ekonomi kita hampir runtuh, kerana itu kerajaan bertindak (memberi bantuan) termasuklah bagi sektor pertanian supaya ekonomi kita tidak akan jatuh. Rakyat tidak akan menderita dalam keadaan sebegini," katanya.

Muhyiddin menarik perhatian, dengan keupayaan kerajaan PN yang ada, Malaysia berupaya untuk menangani COVID-19 hingga diangkat menjadi antara negara terbaik dalam aspek pengurusan pandemik itu.

"Ini perkara yang tidak pernah berlaku dalam sejarah Malaysia (COVID-19), tidak pernah berlaku di mana-mana di seluruh dunia, di negara lain masalah COVID-19 masih terus berlaku, sebagaimana juga Malaysia.

"Sekurang-kurangnya Malaysia ini dengan keupayaan kita kerajaan (PN), maka Malaysia sudah sampai tahap nombor satu dalam usaha mengatasi dan menghadapi masalah COVID-19," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2020	KOSMO	NEGARA	6

Elaun nelayan naik kepada RM300

Oleh IVAN AMIRUL

BEAUFORT - Kerajaan mengumumkan kenaikan kadar Elaun Sara Hidup Nelayan daripada RM250 kepada RM300 sebulan.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kenaikan itu adalah bagi mengurangkan beban golongan terbelat yang terjejas ekoran penularan pandemik Covid-19.

Muhyiddin berkata, sebanyak RM21.1 juta diperuntukan untuk pembayaran elaun tersebut yang akan diberikan kepada 7,581 nelayan seluruh negara.

"Semasa Pakatan Harapan (PH) memerintah negara dan Parti Warisan Sabah (Warisan) sebahagian daripada PH, Elaun Sara Hidup Nelayan sebanyak RM300 ini telah dipotong kepada RM250.

"Maka secara rasminya hari ini (semalam) saya umumkan elaun berkenaan dikembalikan semula



MUHYIDDIN semasa berucap pada Majlis Bersama Peladang, Penternak dan Nelayan Sabah di Beaufort semalam.

menjadi RM300 setiap bulan. Ia secara langsung mampu membantu dalam meringankan beban ditanggung sektor perikanan,"

katanya.

Bellau berkata demikian ketika berucap sempena Majlis Bersama Peladang, Penternak

dan Nelayan Sabah serta Pelancaran Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee, Ahli Parlimen Beaufort, Datuk Azizah Mohd. Dun dan calon Perikatan Nasional (PN) bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Klias, Datuk Isrin Aliasni.

Dalam pada itu, Muhyiddin turut mengumumkan peruntukan bantuan khas terutamanya bagi kerajaan negeri Sabah dan Sarawak di bawah Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma sebanyak RM40.34 juta selain mengumumkan kadar dividen sebanyak 8.1% bagi Dana Peladang Kebangsaan bagi tahun 2019 dengan keseluruhan agihan dividen sebanyak RM7.7 juta.

Muhyiddin berkata, agihan terbabit bakal disalurkan selepas Dana Peladang Kebangsaan di Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAPAS) sudah memperoleh keuntungan sebanyak RM9.3 juta sepanjang tahun lalu.

18/9/2020

SINAR
HARIAN

NASIONAL

10

Kerajaan peruntuk lebih RM70 juta bantu sektor pertanian Sabah

Pastikan taraf ekonomi peladang, penternak dan nelayan Negeri Di Bawah Bayu terus maju

Oleh NORSHAIZUNA MAT ZUHA

BEAUFORT

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memperuntukkan lebih RM70 juta kepada negeri Sabah pada tahun 2020 bagi memastikan taraf ekonomi peladang, penternak dan nelayan terus maju dan tidak terkebelakang berbanding sektor lain.

Menierinya, Datuk Seri Dr Ronald Klandee berkata, peruntukan berkenaan diberikan kepada negeri Sabah bagi membina dan menaik taraf infrastruktur pengairan dan saliran, membangunkan projek tanaman, perikanan, ternakan dan tenusu serta bantuan-bantuan berbentuk input, teknologi dan insentif galakan skim pertanian baik.

Menurutnya, Sabah merupakan negeri yang kedua terbesar di Malaysia dan 27 peratus daripada guna tanah Sabah adalah bagi tujuan pertanian, iaitu kira-kira 1.98 juta hektar.

"Keluasan tanah pertanian Sabah adalah jauh lebih luas walaupun jika dibandingkan dengan keluasan seluruh negeri tertinggi di Semenanjung Malaysia.



Muhyiddin (tiga dari kiri) menyerahkan bayaran Elau Sara Hidup Nelayan Sabah 2020 pada program Perdana Menteri Bersama Peladang, Penternak dan Nelayan Sabah serta Pelancaran Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma di Beaufort semalam.

"Dengan memiliki tanah pertanian seluas ini, Sabah mempunyai potensi yang sangat besar dalam sektor pertanian dan industri makanan," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian pada program Perdana Menteri Bersama Peladang, Penternak dan Nelayan Sabah serta Pelancaran Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma di sini.

Majlis itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin. Hadir sama ialah Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Timbalan Menteri Pertanian

dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

Ronald berkata, sumbangan sektor pertanian Sabah kepada Keluasan Dalam Negara Kasar (KDNK) pertanian negara pada 2019 bernilai RM13.7 bilion atau sebanyak 13.5 peratus.

"Sabah turut mempunyai potensi bagi membangunkan produk-produk pertanian seperti padi, manas dan durian disebabkan oleh kesuburan dan keluasan tanahnya serta lima hasil perikanan seperti rumpai laut yang boleh menyumbang kepada eksport negara," katanya.

Beliau berkata, dengan pelbagai bantuan khas yang disampaikan oleh kerajaan,

beliau berharap ia dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh peladang, penternak dan nelayan dalam meneruskan aktiviti pertanian masing-masing.

"Kerajaan Perikatan Nasional akan terus memastikan kebajikan dan kemakmuran mereka menjadi keutamaan pada setiap masa serta akan memajukan lagi sektor pertanian dan industri makanan negara termasuk di negeri Sabah," katanya.

Mantapkan rantalan

Ronald berkata, Kementerian memainkan peranan penting untuk memastikan bekalan

makanan utama negara seperti beras, buah-buahan, sayur-sayuran, ikan dan daging terjamin semasa pandemik coronavirus (Covid-19).

"Kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri telah mengambil tindakan pantas dengan melancarkan pakej rangsangan ekonomi Prihatin dan Penjana bagi memastikan sektor-sektor yang terkesan dan rakyat keseluruhannya mendapat sokongan dan bantuan yang diperlukan.

"Antara inisiatif dan program yang telah dirangka adalah dengan memantapkan rantalan bekalan makanan seperti menambah baik infrastruktur, mengukuhkan pusat pengumpulan, pemprosesan dan pengedaran serta meluaskan lagi pemasaran.

"Kementerian telah diperuntukkan RM630 juta di bawah pakej-pakej rangsangan ekonomi ini di mana lebih daripada RM73 juta telah diperuntukkan untuk negeri Sabah sahaja," katanya.

Beliau berkata, daripada jumlah RM50 juta Dana Khas Pertubuhan Peladang Kawasan yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri, sebanyak RM4.74 juta atau 9.5 peratus disalurkan kepada negeri Sabah, antara yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain.

"Isa sekali gus membuktikan Perdana Menteri sentiasa mengambil berat dan prihatin kepada nasib peladang, penternak dan nelayan," katanya.

Menurutnya, terdapat 13 jabatan dan agensi di bawah Kementerian ini dan lima daripada 13 jabatan dan agensi kementerian ini beroperasi di Sabah khususnya dalam pembangunan peladang, penternakan, perikanan, penyelidikan, perbankan dan industri makanan iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Pemasaran Pertanian 3 Persekutuan (FAMA), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Agrobank.

RONALD KLANDÉE

Muhyiddin (tiga dari kiri) memberikan Genu Agropreneur Muda kepada salah seorang penerima, Abraham Bernard sambil disaksikan oleh Ronald (dua dari kiri) di Beaufort semalam.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	9

RM40.34 juta disalurkan khusus kepada Sabah dan Sarawak

BEAUFORT - Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam mengumumkan beberapa inisiatif untuk dimanfaatkan golongan petani, penternak dan nelayan.

Beliau berkata, peruntukan sebanyak RM40.34 juta disalurkan oleh kerajaan khusus kepada Sabah dan Sarawak di bawah Skim Baja Racun Padi Bukit/Huma (SBRPB).

Menurutnya, NAFAS merupakan pembekal SBRPB dan ia akan dimanfaatkan oleh seramai 14,637 petani dari 12 daerah di Sabah serta melibatkan kawasan agihan seluas 23,138 hektar.

"Sebanyak RM18.37 juta peruntukan bagi seluruh negeri Sabah dan skim ini akan meningkatkan pendapatan petani serta mem-

perkasa ekonomi petani Sabah," katanya pada Program Perdana Menteri Bersama Peladang, Penternak dan Nelayan Sabah serta Pelancaran Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Pada majlis itu Muhyiddin turut menyampaikan sumbangan Wakalah Zakat Perniagaan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) kepada asnaf di Sabah berjumlah RM340,000 yang melibatkan seramai 1,700 penerima.

Golongan peladang, penternak dan nelayan akan menerima berupa geran, elaun, skim ternakan, dan zakat kepada yang layak dalam usaha membantu meningkatkan taraf hidup mereka.



Antara tetamu yang menjayakan Program Bersama Peladang, Penternak dan Nelayan serta Pelancaran Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma di Beaufort semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	3

PM kembalikan RM50 elaun nelayan

BEAUFORT: Tan Sri Muhyiddin Yassin mengembalikan semula RM50 elaun sara hidup nelayan yang dipotong ketika era pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Ini bermakna, elaun berkenaan kembali kepada jumlah asal sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) iaitu RM300 berbanding hanya RM250 sebelum ini.

Perdana Menteri berkata, ketika potongan elaun itu dilakukan, Parti Warisan Sabah (Warisan) merupakan sebahagian

daripada PH.

"Saya ingin ingatkan, sewaktu PH mentadbir negara, Warisan adalah sebahagian daripada PH. Di waktu itu, elaun sara hidup nelayan dipotong dari RM300 kepada (tinggal) RM250.

"Hari ini saya ingin umumkan, kita kembalikannya semula," katanya ketika berucap melancarkan Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma di hadir peladang, penternak dan nelayan di sini semalam.

Turut hadir Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Da-

tuk Seri Dr. Ronald Kiandee dan bekas Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Musa Aman.

Antara perkara lain yang diumumkan Perdana Menteri adalah bantuan berupa geran, elaun, skim ternakan serta zakat kepada golongan peladang, penternak dan nelayan yang layak dalam usaha membantu meningkatkan taraf hidup mereka.

Muhyiddin menambah, dengan keupayaan kerajaan Perikatan Nasional (PN), Malaysia berupaya menangani Covid-19

sehingga diangkat menjadi antara negara terbaik dalam aspek pengurusan pandemik itu.

"Ini perkara yang tidak pernah berlaku dalam sejarah Malaysia, tidak pernah berlaku di mana-mana di seluruh dunia, di negara lain masalah Covid-19 masih terus berlaku, sebagaimana juga Malaysia.

"Sekurang-kurangnya, dengan keupayaan kita, maka Malaysia sudah sampai tahap nombor satu dalam usaha mengatasi dan menghadapi masalah Covid-19," tegasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2020	KOSMO	NEGARA	9

Seekor lagi kerbau paling disayangi Syukur mati akibat penyakit hawar berdarah Minggu berduka 'Mowgli Malaysia'

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA TERENGGANU - Minggu ini menjadi waktu yang paling sukar buat Muhammad Syukur Khamis yang lebih dikenali sebagai 'Mowgli Malaysia' apabila satu per satu kerbau kesayangannya mati akibat penyakit hawar berdarah.

Terbaharu, kerbau bergelar Tokol yang bergambar dengannya dalam foto yang memenangi Imej Asia 2020 bagi bulan Ogos bagi kategori Orang/Jalanan oleh Asian Geographic baru-baru ini mati akibat wabak Haemorrhagic Septicaemia atau hawar berdarah kelmarin.

Kerbau jantan berusia enam tahun itu mati di depan mata Muhammad Syukur pada pukul 5 petang.

Lebih menyedihkan Tokol 'pergi' 10 jam selepas seekor lagi kerbau bina kesayangan remaja itu iaitu Semek mati akibat penyakit yang sama pada pukul 7 pagi.

Pelajar tingkatan tiga Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Mikiin berkenaan memberitahu, Tokol menggelupur sebelum mati ketika dia sedang memandikan haiwan kesayangannya tersebut.

"Tokol mula menunjukkan tanda-tanda dijangkiti hawar



MUHAMMAD SYUKUR kelihatan sugul melihat Tokol mati akibat terkena penyakit hawar berdarah di Kampung Kubang Bujuk, Kuala Terengganu kelmarin.

berdarah dengan hidungnya be-ratr sejak tengah hari semalam (kelmarin).

"Saya cuba menenangkannya dengan membasahkan badannya dengan air selain menyuapkannya dengan makanan, namun dia 'pergi' juga," katanya kepada Kosmo di sini semalam.



KERATAN Kosmo semalam.

Muhammad Syukur berkata, kelmarin merupakan hari yang paling menyedihkan dalam hidupnya selepas kehilangan dua kerbau kesayangan iaitu Semek dan Tokol sekali gus.

Dia berkata, gambarnya ber-sandar di belakang Tokol yang dirakam jurufoto bebas, Yusuf

Madi baru sahaja terpilih memenangi Imej Asia 2020 bagi bulan Ogos bagi kategori Orang/Jalanan oleh Asian Geographic.

"Saya suka Tokol sebab ia antara kerbau peliharaan bapa saya yang mudah diuruskan untuk sesi fotografi.

"Gambar itu sudah pasti menjadi pengubat rindu terhadap Tokol," katanya.

Dalam pada itu, Muhammad Syukur berkata, dua lagi kerbau peliharaan bapanya mati semalam menjadikan keseluruhan 52 ekor sejak 9 September lalu.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu Dr. Mohd. Termizi Ghazali berkata, pihaknya telah menyuntik antibiotik ke atas semua baki kerbau milik bapa Muhammad Syukur, Khamis Jusoh, 54.

"Ini usaha terakhir untuk menyelamatkan ternakan kerbau tersebut," katanya.

Selasa lalu, Kosmo melaporkan hati Muhammad Syukur luluh menyakiti 50 kerbau peliharaan bapanya mati bergelimpangan di dalam kandang disebabkan hawar berdarah.

Dia sudah menganggap haiwan ternakan yang dibelanya sejak berumur enam tahun sebagai sahabat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	24

58 ternakan disuntik antibiotik

Usaha jabatan veterinar menyelamatkan baki haiwan daripada wabak hawar

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Sebanyak 58 kerbau Muhammad Syukur Khamis, 15, atau lebih dikenali sebagai 'Mowgli Malaysia' diberikan suntikan antibiotik, semalam.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, Dr Mohd Termizi Ghazali, berkata antibiotik itu diberi kepada ternakan masih hidup sebagai jalan terakhir menyelamatkan ternakan.

"Hanya itu saja usaha boleh diambil untuk menyelamatkan baki kerbau yang masih tinggal.

"Suntikan pelalian hawar berdarah (HS) sudah tidak boleh diberikan kerana semua kerbau itu sudah dijangkiti penyakit itu.

"Sekiranya suntikan pelalian HS atau vaksin itu diberikan kepada kerbau dijangkiti, ia akan memberikan kesan bertentangan dan meningkatkan risiko kematian kerbau berkenaan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa memantau kerbau di kandang milik Khamis Jusoh, 64, dalam memastikan penyakit itu tidak menular ke kawasan lain.

"Segala pergerakan ternakan lembu dan kerbau di kawasan Kampung Serada ke kawasan lain tidak dibenarkan. Arahan halangan dibuat itu sehingga wabak pulih sepenuhnya," katanya.

Beliau memohon semua pihak akur kepada arahan dikeluarkan JPV supaya menjauhi kawasan kandang kerbau berkenaan.

"Sesiapa yang melanggar arahan boleh dikenakan tindakan mengikut Subseksyen 70 Akta Binatang 1953 (Akta 647).

"Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan," katanya.

Beliau berkata, biarpun penyakit HS tidak menjangkiti manusia, daging haiwan yang dijang-

kiti penyakit itu tidak digalakkan untuk dimakan.

Sementara itu, keluarga Muhammad Syukur tidak pernah mengarah atau mewakili sesiapa mendapatkan sumbangan orang ramai seperti yang tular di media sosial.

Abang kepada Muhammad Syukur, Muhammad Alias, 30, berkata dia tidak tahu mengenai hantaran itu dan menjelaskan perbuatan terbabit dibuat tanpa berbincang dengan ahli keluarganya.

Niat pengguna Facebook (FB) itu baik, cuma tidak kena cara kerana membuatnya tanpa persetujuan kami. Saya akui nombor akaun CIMB Bank disertakan dalam hantaran berkenaan memang nombor akaun saya.

"Bagaimanapun saya tidak pernah mengarahkan atau meminta sesiapa memuat naik hantaran seperti itu di FB" katanya mengulas tindakan seorang pengguna FB menggunakan nama Muzaffar Is-hak memuat naik hantaran meminta orang ramai memberikan sumbangan kepada keluarga berkenaan susulan kematian banyak kerbau selepas dijangkiti penyakit HS.



Ketua Bahagian Kesihatan JPV Terengganu, Dr Wan A'idah Wan Hashim melihat kerbau yang diberikan suntikan antibiotik.

(Foto Ahmad Rabiul Zulkifli/bh)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2020	HARIAN METRO	LOKAL	4

Mandikan kerbau satu jam sekali

Kuala Terengganu: "Hari ini (semalam), saya agak le-tih kerana perlu memandikan 58 kerbau yang dikuarantin dalam kandang setiap satu hingga dua jam sekali," kata Muhammad Syukur Khamis, 15.

Pelajar tingkatan tiga Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Padang Midin itu ditemui di kandang kerbau milik keluarganya di Kampung Kubang Bujuk, Serada.

Muhammad Syukur atau lebih dikenali sebagai Mowgli Malaysia berkata, kerbau dikuarantin perlu dimandikan untuk mengelakkan ia mengalami tekanan seterusnya merempuh pagar kandang.

"Pagar kandang dirempuh semalam (kelmarin) menyebabkan semua kerbau keluar dan berkeliaran ke kawasan paya berdekatan.

"Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu mengarahkan kerbau dikurung dalam kandang sejak Selasa lalu bagi mencegah

58

Kerbau dikuarantin dalam kandang, perlu dimandikan setiap satu hingga dua jam sekali

penularan penyakit hawar berdarah (HS) ke kawasan lain, tetapi semua kerbau berada di luar kandang semalam.

"Kerbau jadi agresif apabila kepanasan sebelum merempuh pagar untuk keluar mencari kawasan ber-air atau paya," katanya.

Tambahnya, JPV menyediakan pagar besi sementara di kandang kerbau bagi mengelakkan kerbau lolos daripada kuarantin.

Dalam perkembangan lain, JPV Terengganu menyerahkan bantuan makanan haiwan kepada keluarga Muhammad Syukur semalam, untuk kerbau ter-babit sepanjang tempoh kuarantin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2020	NEWS STRAITS TIMES	NEWS	10

Vet Dept starts giving antibiotics to buffaloes

KUALA TERENGGANU: The state Veterinary Services Department yesterday started giving antibiotics to 58 buffaloes belonging to Muhammad Syukur Khamis' family. Its director, Dr Mohd Termizi Ghazali, said the antibiotics were to prevent secondary infections and increase their resistance to diseases. "If a buffalo is already infected (by haemorrhagic septicaemia), antibiotics will slow down the dying process. The rest depends on the animal's resilience," he said. Recently, it was reported 52 buffaloes belonging to the family of 15-year-old Syukur, who is known as 'Kampung Boy', died due to suspected haemorrhagic septicaemia. **Bernama**

18/9/2020

SINAR
HARIAN

NASIONAL

9

Pulangan kompetitif
dan melebihi kadar
inflasi secara konsisten

Oleh AHMAD APONG

BEAUFORT

PM umum dividen DPK sebanyak 8.1 peratus

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan kadar dividen sebanyak 8.1 peratus bagi Dana Peladang Kebangsaan (DPK) dengan keseluruhan dividen sebanyak RM7.7 juta.

Agihan itu diberikan selepas Dana Peladang Kebangsaan di Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) telah memperolehi keuntungan sebanyak RM9.3 juta bagi tahun 2019.

Muhyiddin berkata, jumlah itu menunjukkan peningkatan sebanyak 1.3 peratus berbanding RM7.6 peratus pada tahun 2018.

"Meskipun 2019 merupakan tahun yang sukar dan didominasi keti-

daktentuan pasaran, DPK akan terus memfokuskan kepada strategi pembiayaan dan kepelbagaian portfolio perbendaharaan bagi memberikan

daya tahan serta pulangan, memberangsangkan kepada ahli pada masa depan," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian pada

DPK akan terus fokus kepada strategi pembiayaan dan kepelbagaian portfolio perbendaharaan bagi beri daya tahan serta pulangan memberangsangkan pada masa depan."

Program Bersama Peladang, Pentermak dan Nelayan serta Pelancaran Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma di Dataran Bagandang di sini semalam.

Hadir sama, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang; Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

Muhyiddin berkata, DPK bangga kerana mampu memberikan pulangan yang kompetitif dan melebihi kadar inflasi secara konsisten dengan purata dividen sebenar sebanyak 8.7 peratus bagi tiga tahun berturut-turut dari tahun 2017.

Katanya, NAFAS menggalakkan warga tani agar mendaftar sebagai Ahli Peladang di Pertubuhan Peladang Kawasan sekali gus berpeluang membuka akaun pelaburan di bawah Skim Pelaburan Khas Peladang (SPKP) serta memohon produk pembiayaan DPK.



Muhyiddin berucap pada Program Bersama Peladang, Pentermak dan Nelayan serta Pelancaran Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma di Beaufort semalam.



Muhyiddin (kiri) menabur baja pada anak pokok padi Bukit diambil dibantu Pengarah Sektor Bina Awam NAFAS, Saripol Baharin Karim sebagai simbolik perasmian Program Bersama Peladang, Pentermak dan Nelayan serta Pelancaran Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma di Beaufort semalam.



Muhyiddin (dua dari kiri) menyampaikan replika cek sumbangan wakalah zakat perniagaan NAFAS kepada wakil asnaf negeri Sabah di Beaufort.

RM40.34 juta disalurkan khusus kepada Sabah dan Sarawak

BEAUFORT - Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam mengumumkan beberapa inisiatif untuk dimanfaatkan golongan petani, pentermak dan nelayan.

Beliau berkata, peruntukan sebanyak RM40.34 juta disalurkan oleh kerajaan khusus kepada Sabah dan Sarawak di bawah Skim Baja Racun Padi Bukit (SBRPB).

Menurutnya, NAFAS merupakan pembekal SBRPB dan ia akan dimanfaatkan oleh seramai 14,637 petani dari 12 daerah di Sabah serta melibatkan kawasan agihan seluas 23,138 hektar.

"Sebanyak RM18.37 juta peruntukan bagi seluruh negeri Sabah dan skim ini akan meningkatkan pendapatan petani serta mem-

perkasa ekonomi petani Sabah," katanya pada Program Perdana Menteri Bersama Peladang, Pentermak dan Nelayan Sabah serta Pelancaran Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang.

Pada majlis itu, Muhyiddin turut menyampaikan sumbangan Wakalah Zakat Perniagaan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) kepada asnaf di Sabah berjumlah RM340,000 yang melibatkan seramai 1,700 penerima.

Golongan peladang, pentermak dan nelayan akan menerima berupa geran, elaun, skim ternakan, dan zakat kepada yang layak dalam usaha membantu meningkatkan taraf hidup mereka.



Antara tetamu yang menjayakan Program Bersama Peladang, Pentermak dan Nelayan serta Pelancaran Skim Subsidi Baja dan Racun Padi Bukit/Huma di Beaufort semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2020	HARIAN METRO	LOKAL	4

Serbu 500 anak pokok Musang King

Jelevu: Sebanyak 500 anak pokok Musang King (D197) habis dijual dalam tempoh satu jam pada Program Jualan Separuh Harga sempena Hari Malaysia di Pusat Khidmat Masyarakat DUN Klawang di sini, semalam.

Menariknya, anak pokok berkenaan dijual pada harga RM15 berbanding harga asal RM30, sekali gus menarik ramai peminat bidang pertanian untuk mendapatkannya.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Bakri Sawir berkata, lebih menarik, 50 pengunjung yang beratur paling awal turut mendapat tawaran istimewa RM10 bagi setiap pokok.

"Pada awalnya benarkan setiap individu membeli lima pokok seorang, namun

apabila mendapat sambutan amat menggalakkan kita menghadkan kepada tiga pokok seorang sahaja.

"Sementara bagi pokok yang berharga RM10, orang ramai hanya dibenarkan membeli dua pokok setiap seorang dan 100 anak pokok saja disediakan.

"Kita tidak menyangka ia mendapat sambutan luar biasa dan bercadang mengadakan jualan sama pada 29 Oktober depan di lokasi sama," katanya ditemui di sini, semalam.

Hadir sama, Pegawai Pertanian Daerah Jelevu Roslan Harun.

Bakri berkata, program bertujuan menggalakkan orang ramai menanam pokok durian, sekali gus merencanakan peningkatan pengeluaran durian di daerah ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2020	KOSMO	NEGARA	14



SEBAHAGIAN biji kopi tanpa permit yang diimport dari Indonesia dirampas Maqis di LTAS kelmarin.

Biji kopi tiada permit dirampas

JOHOR BAHRU - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor berjaya menggagalkan cubaan membawa masuk biji kopi ke negara ini melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (LTAS), di sini kelmarin.

Pengarah Maqis Johor, Nur Affah A. Rahman berkata, biji kopi berkenaan dibawa masuk ke negara ini dari Indonesia.

Katanya, pihaknya menemui barangan dagangan tersebut ketika membuat pemeriksaan pada pukul 10 pagi.

"Ketika pemeriksaan dibuat di pejabat pos DHL LTAS, pegawai menemui bungkusan mengandungi biji kopi dengan

berat 18.4 kilogram (kg) dianggarkan bernilai RM790.13.

"Pemeriksaan lanjut mendapati biji kopi tersebut tidak mempunyai permit import dikeluarkan Maqis dan Sijil Fitosanitasi dari negara asal," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambah Nur Affah, biji kopi tersebut kemudian ditahan Maqis Johor untuk tindakan lanjut.

Kes akan disiasat di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana mengimport keluaran pertanian tanpa permit, lesen atau perakuan yang sah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	2

Kenaikan Elaun Sara Hidup Nelayan bukti keprihatinan kerajaan

KUALA LUMPUR - Kenaikan Elaun Sara Hidup Nelayan daripada RM250 kepada RM300 sebulan seperti yang diumumkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam jelas membuktikan keprihatinan tinggi kerajaan dalam membela nasib golongan itu terutama ketika menghadapi pandemik koronavirus (Covid-19).

Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Azrin Shah Ismail berkata, pengumuman itu merupakan khabar gembira bagi golongan nelayan terutama nelayan pantai yang kebanyakannya terjejas dengan penularan wabak itu.

"Nelayan yang paling banyak terjejas adalah yang bekerja sendiri, mengusahakan tangkapan sendiri. Walaupun mereka boleh turun ke laut mencari ikan namun yang banyak terkesan adalah kawasan nelayan yang dikuatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

"Memang mereka boleh jalankan aktiviti nelayan tapi dari segi memasarkan ikan hanya terhad di kawasan PKPD. Peraih luar mengalami kesukaran untuk masuk ke kawasan PKPD...

di situ ada sedikit terjejas," katanya ketika mengulas pengumuman Perdana Menteri itu di sini semalam.

Azrin Shah berkata, kenaikan elaun itu juga sedikit sebanyak membantu para nelayan menampung perbelanjaan bulanan termasuk pembelian barangan asas dan perbelanjaan persekolahan anak-anak mereka.

Sementara itu, lebih 700 nelayan di Bachok dan Pasir Puteh, Kelantan meluahkan kesyukuran dan rasa terharu dengan kenaikan itu yang disifatkan amat bermakna dan tepat pada masanya.

"Kenaikan itu tepat pada masanya dalam keadaan situasi ekonomi nelayan yang tidak menentu terutama dalam sebulan dua lagi mereka langsung tidak dapat menangkap ikan disebabkan musim tengkujuh," kata Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Bachok, Saripuddin Ishak.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Semerak (Tok Bali), Zahari Samat pula berkata, kenaikan itu dapat meringankan beban lebih 100 nelayan di kawasan berkenaan dalam menampung kenaikan harga barang. - *Bernama*

FOTO: BERNAMA



Kenaikan Elaun Sara Hidup Nelayan daripada RM250 kepada RM300 sebulan merupakan khabar gembira bagi golongan nelayan terutama nelayan pantai yang kebanyakannya terjejas susulan penularan wabak Covid-19.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/9/2020	KOSMO	DALAM ' NEGERI	10



WAN HASSAN (berdiri atas jentera pengorek) bersama petani di Kampung Haji Wan Omar, Pasir Puteh semalam.

Petani lega JPS gali parit elak banjir

PASIR PUTEH — Lebih 200 petani di Kampung Haji Wan Omar, di sini lega apabila Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bertindak segera membersihkan dan menggali semula parit dan saluran bagi elak 400 hektar tanaman kontang tidak ditenggelami air menjelang musim banjir nanti.

Ketua penanam kawasan itu, Zamri Mat Hasaan, 49, sebelum ini petani di situ sering kerugian apabila tanaman tembikai, labu, keledak vitato, jagung manis dan lain-lain sering ditenggelami air setiap kali hujan lebat.

Katanya, adalah lebih baik kerajaan menerusi JPS mengambil langkah awal pergerakan sistem saluran dan perparitan kerana kerugian yang ditanggung sebelum ini hampir mencecah RM1 juta.

"Parit yang dibina sering ter-

hakis dan runtuh kerana strukturnya yang berpasir. Ia perlu diselenggara setiap tahun dengan kos yang besar.

"Lebih baik bina parit kekal guna konkrit, ia lebih jimat kos bagi kegunaan jangka masa panjang," katanya ketika ditemui semalam.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semerak, Wan Hassan Wan Ibrahim turut hadir meninjau pelaksanaan penyelenggaraan parit di kawasan berkenaan semalam.

Wan Hassan ketika ditemui berkata, JPS telah mengambil langkah segera selenggara lebih lapan kilometer parit utama dan jejari saluran lebih awal sebelum kehadiran musim banjir.

Menurutnya, sejumlah RM80,000 dibelanjakan bagi tujuan berkenaan menerusi pakej pertama membantu membangunkan sistem saluran itu.